

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI SELANGOR

**FAKULTI KEJURUTERAAN & SAINS HAYAT
KAMPUS BESTARI JAYA**

JAWATAN : PENSYARAH (DS45)

JABATAN	BIDANG	STATUS LANTIKAN
Jabatan Kejuruteraan	1. Kejuruteraan Awam	Kontrak / Tetap
	2. Kejuruteraan Mekanikal	

RINGKASAN JAWATAN

Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat, Universiti Selangor Kampus Bestari Jaya ingin melantik Pensyarah (Gred DS45) bagi Jabatan Kejuruteraan dalam bidang yang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di fakulti dengan kelayakan akademik seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN :

I. BIDANG KEJURUTERAAN AWAM

BIL	BIDANG	SYARAT KELAYAKAN
1.	Pensyarah (DS45)	<ol style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia; Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan / atau Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Struktur atau Kejuruteraan Geoteknikal yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau Berpengalaman dalam melaksanakan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di peringkat institusi pengajian tinggi akan diberi keutamaan. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman menyelia pelajar pasca siswazah sama ada di peringkat Sarjana atau PhD.

2. BIDANG KEJURUTERAAN MEKANIKAL

BIL	BIDANG	SYARAT KELAYAKAN
I.	Pensyarah (DS45)	<ol style="list-style-type: none">1. Warganegara Malaysia;2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan / atau Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal atau Kejuruteraan Pembuatan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau3. Berpengalaman dalam melaksanakan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di peringkat institusi pengajian tinggi akan diberi keutamaan.4. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan5. Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai pengalaman menyelia pelajar pasca siswazah sama ada di peringkat Sarjana atau PhD.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :-
- i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat Antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :
- Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia**
Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor
- Tel : 03-3280 5058 / 03-3280 5077
- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **16 Oktober 2022**.
- e) Lain-lain:
- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.